

UMP saras pengambiln 8,000 pelajar

Sinar Harian (Kuantan) Rabu 11/6/08

KUANTAN – Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyasarkan pengambilan pelajar sehingga 8,000 pelajar dengan terbinanya kampus tetap di Kuala Pahang, Pekan yang bakal siap menjelang 2009 dengan penambahan tiga fakulti baru bagi menampung kemudahan fasilitis kepada para pelajarnya.

UMP beroperasi di Gambang pada masa kini mempunyai tujuh fakulti dengan menawarkan 17 program ijazah sarjana muda yang memfokuskan kepada teknologi kejuruteraan dalam automobil, petrol dan bioteknologi turut menyasarkan sejumlah 25 program ijazah sarjana muda apabila kampus tetap tersebut siap dibina.

Naib Canselor UMP, Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, lapan peratus daripada 350 pensyarah UMP adalah berkelulusan PHD dan 95 pensyarah merupakan pasca siswazah bagi menjadikan UMP sebagai pusat pembelajaran pelajar dalam melahirkan graduan tahap tinggi yang berpendidikan dan mempunyai nilai insaniah.

“Pembinaan kampus tetap tersebut akan menyediakan kemudahan kelas pertama dengan peralatan seperti mana digunakan di dalam industri bagi memberikan pendedahan kepada pe-

lajar keadaan sebenar dunia pekerja yang bakal mereka tempuhi kelak,” katanya pada sidang akhbar selepas menerima penyerahan tugas sebagai Naib Canselor UMP di sini, semalam.

Menurutnya, walaupun usia UMP masih muda, namun pelajar-pelajar UMP telah mendapat pengiktirafan dalam bidang akademik dan penyelidikan sama ada di peringkat negara atau pun antarabangsa di samping graduannya yang kini berada di semua industri kejuruteraan dengan menjawat jawatan penting.

Kampus di Kuala Pahang seluas 640 ekar kelak akan mempunyai dua fakulti baru dengan menawarkan tiga program baru bagi ijazah sarjana muda iaitu marin, teknologi kreatif, dan kejuruteraan bangunan yang bersesuaian dengan keadaan permintaan kejuruteraan yang tinggi sekarang.

“UMP amat menitikberatkan soal kebajikan pelajar terutamanya kemudahan dan keperluan dalam pembelajaran mereka bagi mengelakkan pelajar menghadapi pelbagai masalah yang boleh menyebabkan prestasi akademik mereka jatuh,” katanya yang telah melaporkan diri pada 16 Mei 2008 lalu dan berharap dapat menjalankan tugas sebaik mungkin bagi memastikan UMP lebih cemerlang



Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim menerima perlantikan sebagai Naib Canselor UMP yang baru.